



# Kuiz Kenegaraan



*Peringkat Kebangsaan 1992 & '93*

Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Kementerian Penerangan. Abas bin Salleh KMN,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

BK. 012 (BM.) JUN. 1994 (040.)

Dicetak Oleh: Sinaran Bros Sdn. Bhd.

## LATAR BELAKANG

Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan telah dimulakan pada tahun 1992. Ia dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia dengan kerjasama Jabatan/Agensi-agensi Kerajaan yang lain. Ia merupakan satu pertandingan menduga kefahaman peserta-peserta dalam bidang-bidang yang berhubungkait dengan negara kita.

Objektif pertandingan ini adalah seperti berikut:-

- 1) Menanamkan semangat cintakan negara dan bangsa sebagai rakyat Malaysia,
- 2) Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman perjuangan dan pembangunan negara,
- 3) Meningkatkan imej dan kewibawaan Kerajaan di kalangan orang ramai,
- 4) Mendedahkan masyarakat kepada bahan-bahan yang sedia ada di Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia,
- 5) Meningkatkan lagi kegemaran membaca dan mencari maklumat di kalangan masyarakat.

Peserta-peserta yang menyertai pertandingan ini terdiri daripada mereka yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun, peryertaan secara berpasukan dan ia dibuka kepada pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan.

Kuiz ini bermula di Peringkat Daerah atau Bahagian, kemudian ke Peringkat Negeri dan seterusnya ke Peringkat Kebangsaan.

Tema Kuiz ini ialah 'Cintailah Negara Kita'. Soalan-soalan disesuaikan dengan tema ini yang bermatlamat untuk menanam semangat cinta dan kasihkan tanahair untuk menjamin perpaduan, keamanan dan kemakmuran negara. Bidang-bidang soalan ialah Sejarah negara; Tokoh/Pemimpin Negara; Perlembagaan, Sistem dan Institusi Pemerintahan; Dasar-dasar Kerajaan; Isu-isu Semasa; Hubungan Antarabangsa; Adat Resam dan Kebudayaan Negara; Kaum dan Agama di Malaysia; Bendera dan Lagu-lagu Kebesaran Negara/Negeri; Projek-projek Pembangunan; dan Sukan.

Hadiah

733896

14 MAR 1995

Perpustakaan Negara

Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan merupakan sebahagian daripada acara-acara sambutan Hari Kebangsaan.

Hasil daripada pertandingan-pertandingan yang telah dijalankan, soalan-soalan serta jawapan-jawapan kuiz tersebut dibukukan di dalam Buku Kecil ini untuk rujukan umum.

diarahkan

oleh

Juliana

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

Chen

M

320.4 = 95

Kuiz

# KUIZ KENEGARAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 1992

## BIDANG: DASAR-DASAR KERAJAAN

**Soalan:** Apakah matlamat utama Dasar Pendidikan Kebangsaan diwujudkan?

**Jawapan:** Melahirkan Masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

**Soalan:** Apakah matlamat utama Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan di negara ini?

**Jawapan:** Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan pendapatan dan peluang-peluang ekonomi.

**Soalan:** Apakah tujuan utama Dasar Pensewastaan dilaksanakan di Malaysia?

**Jawapan:** Mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan.

**Soalan:** Sebutkan dua perkara sahaja yang menjadi matlamat pengwujudan Rukunegara."

**Jawapan:**

1. Mencapai perpaduan nasional.
2. Memelihara demokrasi.
3. Mencipta sebuah masyarakat yang progresif.
4. Mencipta sebuah masyarakat yang adil.

**Soalan:** Bilakah tempoh masa pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2)?

**Jawapan:** Tempoh : 1991 - 2000.

**Kenyataan:** Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, kurikulum berorientasikan Malaysia telah diperkenalkan untuk semua sekolah tanpa mengira bahasa pengantar.

**Soalan:** Dalam tahun berapakah KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) dilaksanakan di semua sekolah?

**Jawapan:** 1993.

**Soalan:** Sebutkan dua prinsip penting yang telah ditetapkan oleh kerajaan di dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

**Jawapan:**

1. Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar.
3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

## **BIDANG: ISU SEMASA**

**Kenyataan:** Di dalam belanjawan 1993, Menteri Kewangan telah mengumumkan kenaikan duti eksais ke atas rokok. Langkah ini adalah untuk menghindar tabiat merokok di kalangan masyarakat demi untuk menjaga kesihatan.

**Soalan:** Berapa peratuskah duti eksais ke atas rokok dinaikkan?

**Jawapan:** 100%.

**Kenyataan:** Sebagai penghormatan kepada wargatua terhadap sumbangan mereka kepada negara dan mewujudkan masyarakat penyayang, kerajaan telah mengisytiharkan 1 Oktober sebagai Hari Wargatua.

**Soalan:** Apakah tema Hari Wargatua 1992?

- (A) Wargatua Teras Masyarakat.
- (B) Wargatua Beban Masyarakat.

- (C) Wargatua Pedoman Masyarakat.
- (D) Wargatua Sayang Masyarakat.

**Jawapan:** (A) Wargatua Teras Masyarakat.

**Kenyataan:** Malaysia telah mencatat sejarah baru-baru ini sebagai negara pertama menerima rakyat Bosnia – Herzegovina sebagai anak angkat. Kumpulan pertama seramai 63 orang telah tiba di Malaysia pada 27 Oktober, 1992.

**Soalan:** Dimanakah kumpulan ini ditempatkan di Malaysia?

**Jawapan:** Pusat Latihan ABIM Sungai Ramal, Kajang

**Kenyataan:** Kebakaran di Lapanganterbang Antarabangsa Subang telah berlaku sebanyak dua kali dalam tahun 1992.

**Soalan:** Bahagian bangunan manakah yang terlibat dengan kebakaran pada bulan Oktober 1992 baru-baru ini?

**Jawapan:** Kompleks menara kawalan trafik udara.

**Kenyataan:** Persidangan Kedua Menteri-menteri Negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan telah diadakan di Kuala Lumpur, April 1992.. Dalam persidangan tersebut Deklarasi Kuala Lumpur telah diluluskan.

**Soalan:** Berapa negarakah yang menerima deklarasi ini?

**Jawapan:** 55 negara.

**Kenyataan:** Kementerian pengangkutan telah mengenakan beberapa peraturan baru bagi pengguna-

pengguna jalanraya bagi menjamin keselamatan mereka di jalanraya. Peraturan memasang lampu motosikal di waktu siang dikenakan kepada penunggang motosikal. Bagi pemandu kereta/van pula dikehendaki memasang lampu brek ketiga.

**Soalan:** Bilakah peraturan memasang lampu brek ketiga ini akan berkuatkuasa?

**Jawapan:** 1 January, 1993.

**Kenyataan:** Berikutan isu kontroversi pembelian kereta Volvo oleh DBKL, Tan Sri Elyas Omar telah meletakkan jawatannya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur. Datuk Dr. Mazlan Ahmad, seorang pegawai tinggi kerajaan, telah dilantik untuk jawatan tersebut mulai 16 November, 1992.

**Soalan:** Sebelum dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur di kementerian manakah yang terakhir beliau berkhidmat?

**Jawapan:** Kementerian Kewangan.

**Kenyataan:** Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya di perasmian Persidangan Kedua Menteri Negara-negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur, mencadangkan kepada masyarakat dunia satu program alam sekitar yang melibatkan penghijauan bumi.

**Soalan:** Berapa peratuskah bumi perlu dikekalkan hijau menjelang tahun 2000?

**Jawapan:** 30%.



## **BIDANG: PERLEMBAGAAN DAN INSTITUSI PEMERINTAHAN**

**Kenyataan:** Jentera kerajaan terdiri dari kementerian, jabatan dan badan-badan berkanun yang memainkan fungsi masing-masing.

**Soalan:** Yang mana satukah di antara agensi berikut bukan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri?

- (A) Biro Pengaduan Awam Negara.
- (B) Badan Pencegah Rasuah.
- (C) Jabatan Perpaduan Negara.
- (D) Lembaga Urusan Tabung Haji.

**Jawapan:** (C) Jabatan Perpaduan Negara.

**Kenyataan:** Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, kita merayakan Hari Kebangsaan pada setiap tahun.

**Soalan:** Siapakah pengerusi sambutan Hari Kebangsaan peringkat pusat tahun 1992?

**Jawapan:** YB. Dato' Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian.

**Kenyataan:** Malaysia memang terkenal dengan pelbagai keturunan, kebudayaan dan bahasa percakapan. Mereka ini hidup aman bahagia di bawah naungan ketua negara.

**Soalan:** Siapakah yang dimaksudkan sebagai ketua negara Malaysia?

**Jawapan:** Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong.

**Kenyataan:** Badan kehakiman negara kita terdiri dari pelbagai lapisan mahkamah yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara.

**Soalan:** Siapakah Ketua Hakim Negara sekarang?

**Jawapan:** Tun Hamid Omar.

**Kenyataan:** Setiap kementerian terdiri dari jabatan, agensi atau badan berkanun.

**Soalan:** Sebutkan dua agensi yang terdapat di Kementerian Penerangan?

**Jawapan:** Finas dan Bernama.

## **BIDANG: HUBUNGAN ANTARABANGSA**

**Kenyataan:** Malaysia telah lebih dikenali hasil daripada kejayaan menganjurkan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1989 yang lalu.

**Soalan:** Berapa buahkah Negara Komanwel telah menyertai mesyuarat tersebut?

**Jawapan:** 46.

**Kenyataan:** G-15 terdiri daripada 15 buah negara ahli iaitu Malaysia, Algeria, Argentina, Brazil, Egypt, India, Indonesia, Jamaica, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe.

**Soalan:** Di bandaraya manakah sidang puncak pertama G-15 diadakan pada tahun 1990?

**Jawapan:** Kuala Lumpur

**Kenyataan:** Pada 3-14 Jun, 1992, satu sidang kemuncak bumi bertujuan mencapai persetujuan memelihara kepentingan alam sekitar dalam pembangunan diadakan di Amerika Selatan.

**Soalan:** Sebutkan nama bandaraya tempat persidangan itu berlangsung?

**Jawapan:** Rio De Janerio.

**Kenyataan:** Malaysia menyokong resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu membenarkan tindakan ketenteraan untuk mengusir keluar tentera Iraq dari Wilayah Kuwait di Teluk.

**Soalan:** Di bawah perkara berapakah keputusan tersebut dicapai?

(A) 678.

(B) 768.

(C) 786.

(D) 876.

**Jawapan:** (A) 678.

## **BIDANG: SEJARAH**

**Soalan:** Siapakah Raja Perak yang dibuang ke Pulau Seychelles berikutan peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak?

**Jawapan:** Raja Abdullah.

**Kenyataan:** Satu perisytiharan telah dibuat pada bulan Jun 1948.

**Soalan:** Perisytiharan apakah yang dimaksudkan itu?

**Jawapan:** Perisytiharan Darurat

**Kenyataan:** Perjanjian London telah ditandatangani pada 9 Julai, 1963.

**Soalan:** Apakah yang dipersetujui di dalam perjanjian tersebut?

**Jawapan:** Pembentukan Malaysia.

**Soalan:** Berikan tarikh dan tahun bila Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mula mempunyai waktu yang sama.

**Jawapan:** 1 Januari, 1982.

**Kenyataan:** Dalam tahun 1938, seorang pelajar dari Maktab Perguruan Sultan Idris atau lebih dikenali sekarang dengan IPSI (Institut Pendidikan Sultan Idris) iaitu Ibrahim Bin Haji Yaakub telah membentuk satu pertubuhan.

**Soalan:** Apakah pertubuhan yang beliau asaskan pada tahun itu?

**Jawapan:** Kesatuan Melayu Muda atau KMM.

**Soalan:** Bilakah seluruh Tanah Melayu ditawan oleh Jepun?

**Jawapan:** Februari 1942.

**Kenyataan:** Bagi menentang pemberontakan komunis di Tanah Melayu, kerajaan telah memperkenalkan rancangan penempatan semula setinggan-setinggan di kampung-kampung baru.

**Soalan:** Siapakah yang memperkenalkan rancangan ini?

**Jawapan:** Jeneral Harold Briggs.

**Soalan:** Apakah cadangan Dato' Onn Bin Jaafar yang mendapat tentangan yang kuat daripada

orang-orang Melayu sehingga menyebabkan beliau keluar daripada UMNO dalam tahun 1951?

**Jawapan:** Membenarkan kaum Cina dan India menyertai UMNO.

**Kenyataan:** Kita sering melihat dan mendengar "Prinsip-Prinsip Rukunegara" ditulis di dinding-dinding sekolah dan dilaungkan oleh pelajar-pelajar sekolah pada setiap kali perhimpunan.

**Soalan:** Pada tahun berapakah Rukunegara ini diisytiharkan menjadi Ideologi Kebangsaan negara kita?

**Jawapan:** 1971.

**Kenyataan:** Perang dunia kedua jelas menampakkan penguasaan Jepun ke atas Tanah Melayu?

**Soalan:** Nyatakan tempat dan negeri di mana Jepun mula-mula sekali mendarat.

**Jawapan:** Kota Bharu, Kelantan.

**Soalan:** Dalam tahun berapakah Perlembagaan Persekutuan telah dipinda bagi membolehkan penyertaan Singapura, Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia?

**Jawapan:** 1963.

## **BIDANG: SUKAN**

**Kenyataan:** Malaysia telah menempa sejarah di Sukan Olimpik di Barcelona pada tahun ini dengan memenangi satu pingat.

**Soalan:** Dalam acara sukan apakah pingat tersebut dimenangi?

**Jawapan:** Badminton.

**Kenyataan:** Sukan Malaysia atau Sukma telah berlangsung di Johor Bahru pada tahun ini.

**Soalan:** Negeri manakah yang akan menjadi tuan rumah pada tahun 1994?

**Jawapan:** Perak.

**Kenyataan:** Pelari Malaysia pertama yang menerima gelaran "Pelari Terpantas Di Asia" juga merupakan pelari negara yang berjaya memasuki ke peringkat separuh akhir 100M di Sukan Olimpik di Tokyo.

**Soalan:** Siapakah pelari yang dimaksudkan itu?

**Jawapan:** M. Jegathesan

## **BIDANG: BENDERA, LAMBANG DAN LAGU KEBANGSAAN.**

**Kenyataan:** Pada lambang Negeri Kedah terdapat tangkai padi.

**Soalan:** Sebutkan dua negeri lagi yang menggunakan lambang padi pada lambang negeri masing-masing.

**Jawapan:** Perlis, Negeri Sembilan dan Perak.

**Soalan:** Apakah yang dilambangkan oleh warna hitam pada Bendera Negeri Perak?

**Jawapan:** Kebesaran Raja dihilir Perak.

**Kenyataan:** Negaraku adalah lagu kebangsaan negara kita.

**Soalan:** Sebutkan baris terakhir senikata lagu negaraku.

**Jawapan:** Raja kita selamat bertahta.

## **BIDANG: KAUM DAN ADAT RESAM**

**Kenyataan:** Di negara kita tarikh Hari Raya Aidilfitri ditentukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Raja-raja Melayu iaitu dengan melihat terbitnya anak bulan (1 Syawal). Setelah itu ditetapkan tarikh Hari Raya tersebut melalui media massa dan alat sebaran am yang lain.

**Soalan:** Siapakah yang mengisytiharkan Hari Raya tersebut?

**Jawapan:** Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu.

**Kenyataan:** Deepavali memberi makna 'Perayaan Pelita'. 'Deepa' bererti lampu-lampu dan 'Avali' bererti aturan. Ia merupakan hari kebesaran mengukuhkan semangat keagamaan di kalangan penganut-penganut agama Hindu.

**Soalan:** Namakan bulan Tamil Deepavali dirayakan.

**Jawapan:** Aipasi.

**Soalan:** Siapakah pengasas agama Sikh?

**Jawapan:** Guru Nanak.

**Kenyataan:** Kebiasaannya pada malam tersebut anak-anak gadis Cina keluar membuang buah-buah limau ke dalam laut atau sungai sambil memohon sesuatu yang dihajati oleh mereka.

**Soalan:** Namakan perayaan tersebut.

**Jawapan:** Chap Goh Meh.

**Kenyataan:** Kaum Dayak di Sarawak mengadakan sambutan berakhirnya menuai padi dan ketika musim menanam yang baru secara besar-besaran dengan mengadakan tarian.

**Soalan:** Apakah nama perayaan tradisi ini?

**Jawapan:** Gawai Dayak.

**Kenyataan:** Dalam Adat Istiadat Raja-raja Melayu terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui oleh rakyat.

**Soalan:** Apakah warna yang melambangkan Raja-raja Melayu dalam bendera Malaysia?

**Jawapan:** Kuning.

**Kenyataan:** Peribahasa ini bermaksud walau bagaimanapun mewah dan makmurnya negeri orang namun negeri sendiri juga yang lebih baik.

**Soalan:** Berikan peribahasa yang paling tepat untuk maksud tersebut.

**Jawapan:** Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.

## **BIDANG: HAL EHWAL SEMASA**

**Kenyataan:** Pertubuhan Islam ini merupakan pertubuhan pertama yang mengambil inisiatif membawa anak angkat Bosnia ke Malaysia.

**Soalan:** Namakan pertubuhan ini.

**Jawapan:** Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).



## BIDANG: TOKOH DAN PEMIMPIN

**Kenyataan:** Seorang tokoh Bahasa Melayu yang mempunyai nama singkatan Za'ba telah mengarang sebuah buku yang popular diberi nama Pelita Bahasa Melayu.

**Soalan:** Apakah nama penuh Za'ba?

**Jawapan:** Zainal Abidin bin Ahmad.

**Kenyataan:** Seorang pemimpin terkemuka anti apartheid telah melawat Malaysia pada awal November 1990 dan beliau telah dikurniakan doktor persuratan oleh Universiti Malaya.

**Soalan:** Siapakah tokoh yang dimaksudkan itu?

**Jawapan:** Nelson Mandela

**Kenyataan:** Pegawai pentadbir utama di Jabatan Perdana Menteri ialah Ketua Setiausaha Negara yang juga merupakan Setiausaha Jemaah Menteri dan Ketua Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**Soalan:** Siapakah Ketua Setiausaha Negara sekarang?

**Jawapan:** Tan Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid

**Kenyataan:** YAB. Encik Ghafar Baba pernah menerima latihan perguruan sebelum beliau mencebur diri dalam politik dan perniagaan.

**Soalan:** Namakan institusi tempat beliau mendapat latihan tersebut?

**Jawapan:** Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim.

# KUIZ KENEGARAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 1993

## BIDANG: DASAR-DASAR KERAJAAN

**Kenyataan:** Pelan induk perindustrian yang telah diumumkan oleh menteri perdagangan dan perindustrian pada 3 Februari, 1986 menggariskan 3 matlamat.

**Soalan:** Sebutkan salah satu daripada matlamat pelan induk perindustrian.

- Jawapan:**
1. Menjadikan sektor perkilangan sebagai "Catalyst" pertumbuhan perindustrian negara.
  2. Menggalakkan penggunaan sepenuhnya sumber asli negara.
  3. Meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan teknologi tempatan.

**Kenyataan:** Dasar kerajaan ini wujud hasil daripada kesedaran bahawa terdapat beberapa perkara dan persoalan-persoalan pokok yang bersaing dan bertentangan atau tidak selari di antara pihak awam dan swasta, seperti dalam matlamat organisasi, peraturan dan perhubungan.

**Soalan:** Apakah nama dasar yang dimaksudkan?

**Jawapan:** Dasar Persyarikatan Malaysia.

**Kenyataan:** Penswastaan ialah pemindahan kepentingan atau pelaburan kerajaan yang tertentu kepada sektor swasta. Penswastaan adalah bertentangan dengan pemilikan negara.

**Soalan:** Berikan dua tujuan atau objektif yang digariskan di bawah penswastaan.

- Jawapan:**
1. Mengurangkan beban kewangan kerajaan.
  2. Meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja.
  3. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi.
  4. Pengagihan sumber secara cekap.
  5. Mempercepatkan pencapaian hasrat Dasar Ekonomi Baru.

**Kenyataan:** Objektif ZOPFAN (Zon of Peace, Freedom and Neutrality) adalah untuk menjadikan rantau Asia Tenggara satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali. Ia bebas daripada pertelingkahan kuasa-kuasa besar serta tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam pertelingkahan itu.

**Soalan:** Siapakah pemimpin negara yang mengilhamkan dasar ZOPFAN?

**Jawapan:** Tun Abdul Razak Hussein.

**Kenyataan:** Dasar Pertanian Negara pertama kalinya telah dilancarkan pada 12 Januari, 1984 oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri. Kali kedua ianya telah dilancarkan pada 1 Februari, 1993.

**Soalan:** Nyatakan tempoh/tahun atau jangka masa yang diiiputi oleh dasar pertanian negara yang baru.

**Jawapan:** 1992-2010 (18 tahun)

## **BIDANG: TOKOH/PEMIMPIN NEGARA/SEJARAH**

**Kenyataan:** Cadangan Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan Malaysia telah mendapat tentangan dari Kerajaan Indonesia yang menganggap gagasan Malaysia itu berunsur penjajahan. Di samping itu, Kerajaan Filipina juga tidak bersetuju dan menuntut daripada Kerajaan British supaya Sabah dikembalikan kepada Filipina. Hasil daripada beberapa rundingan akhirnya persekutuan Malaysia diisytiharkan pada 16 September, 1963.

**Soalan:** Siapakah tokoh yang membaca perisytiharan kemerdekaan di negeri Sabah?

**Jawapan:** Y.B. Dato' Donald Stephens - Ketua Menteri Sabah yang pertama.

**Kenyataan:** Sehingga kini keanggotaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berjumlah 181 buah negara. Malaysia pernah dilantik sebagai ahli jawatankuasa keselamatan PBB semasa berlaku perang teluk. Wakil Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menangani isu tersebut.

**Soalan:** Siapakah tokoh penting yang memainkan peranan tersebut?

**Jawapan:** Tan Sri Razali bin Ismail.

**Kenyataan:** Sebelum Malaysia dibentuk satu Jawatan kuasa Perundingan Perpaduan Malaysia telah ditubuhkan di Singapura pada Julai, 1961. Antara persetujuan yang dicapai ialah membentuk sebuah suruhanjaya bagi meninjau pandangan rakyat Sabah dan Sarawak mengenai cadangan penubuhan Malaysia. Setelah keputusan tersebut disampaikan kepada Kerajaan British, satu

suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk. Suruhanjaya ini berada di Wilayah Borneo bagi meninjau pandangan dari pelbagai lapisan masyarakat mulai bulan Februari hingga April, 1962. Sebanyak 2,200 memorandum telah diterima.

**Soalan:** Sila sebutkan nama dua orang ahli suruhanjaya yang mewakili Persekutuan Tanah Melayu.

**Jawapan:**

1. Tan Sri Mohd. Ghazali bin Shafie.
2. Tan Sri Dato' Wong Pow Nee.

**Kenyataan:** Pada bulan Julai tahun 1963, satu rundingan telah diadakan di Malborough House di London di antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dengan Perdana Menteri British, Sir Harold Maxmillan. Hasil daripada rundingan itu, satu perjanjian yang membawa kepada penubuhan Malaysia telah dicapai pada 9 Julai, tahun 1963.

**Soalan:** Namakan perjanjian tersebut.

**Jawapan:** Perjanjian London atau Persetujuan London.

**Kenyataan:** Berikut adalah antara tokoh-tokoh yang pernah memegang jawatan sebagai Menteri Penerangan. Antaranya ialah:-

- 1) Y.B.M. Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
- 2) Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat.
- 3) Y.B. Tan Sri Hj. Muhammed Ghazali bin Shafie.
- 4) Y.B. Datuk Seri Mohd Adib bin Adam.

5) Y.B. Dato' Rais bin Yatim.

**Soalan:** Sebutkan dua lagi nama penuh tokoh yang pernah memegang jawatan yang sama.

**Jawapan:** 1) Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

2) Y.B. Datuk Senu Abdul Rahman.

3) Y.B. Datuk Seri Hamzah bin Abu Samah.

4) Y.A.B. Datuk Sri Amar Hj. Abdul Taib bin Mahmud.

## **BIDANG: KAUM DAN AGAMA**

**Kenyataan:** Masyarakat keturunan India yang beragama Hindu merayakan perayaan Hari Deepavali dan Thaipusam secara besar-besaran di Malaysia.

**Soalan:** Sila sebutkan 2 lagi perayaan agama Hindu yang dirayakan secara besar-besaran di negara ini.

**Jawapan:** 1) Tahun Baru Hindu.

2) Navarathiri.

3) Thaiponggal

**Kenyataan:** Tahun Baru Cina adalah disambut mengikut 12 jenis binatang bagi setiap tahun.

**Soalan:** Sebutkan nama binatang bagi tahun ini (Tahun Baru Cina).

**Jawapan:** Ayam.

**Kenyataan:** Peristiwa ini merupakan salah satu peristiwa yang berlaku ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Ini adalah satu perjalanan Rasulullah dari Mekah ke Masjidil Aqsa dan seterusnya ke Sidratulmuntaha. Pada hari ini peristiwa tersebut

merupakan salah satu hari kebesaran dalam kalendar Islam yang disambut oleh umat Islam di negara ini.

**Soalan:** Nyatakan apakah peristiwa tersebut dan bilakah ianya disambut mengikut kalendar Islam.

**Jawapan:** Peristiwa Israk dan Mikraj - 27 rejab (Takwim Islam).

**Kenyataan:** Penari-penari tarian buluh yang terdapat di Sabah terdiri daripada golongan gadis-gadis. Muzik iringan dalam tarian ini ialah gong dan buluh sahaja. Tarian ini merupakan tarian tradisi bagi satu suku kaum di negeri tersebut.

**Soalan:** Sila sebutkan nama suku kaum yang berkenaan.

**Jawapan:** Murut.

**Kenyataan:** Perayaan ini merupakan perayaan tradisi yang diamalkan sejak beratus-ratus tahun dahulu oleh masyarakat Senoi dari suku Semai dan Temiar di Negeri Perak Darul Ridzuan. Perayaan ini diadakan pada setiap tahun yang mempunyai tujuan tertentu.

**Soalan:** Apakah nama perayaan tersebut?

**Jawapan:** Hari Genggulang.

**Kenyataan:** 'Biar mati anak jangan mati adat' merupakan salah satu peribahasa yang dipegang kuat oleh satu masyarakat di Negeri Sembilan.

**Soalan:** Namakan masyarakat tersebut dan apakah adat yang diamalkan itu?

**Jawapan:** Keturunan Minangkabau - Adat Perpatih

## **BIDANG: ADAT RESAM DAN KEBUDAYAAN**

**Kenyataan:** Tarian kuda kepang terkenal di kalangan penduduk negara ini yang berketurunan Jawa, biasanya terdapat di negeri Johor dan Selangor. Kuda kepang adalah kuda-kudaan yang asalnya diperbuat daripada anyaman buluh.

**Soalan:** Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "kepang"?

**Jawapan:** Anyaman

**Kenyataan:** Pesta ini merupakan satu perayaan yang terbesar bagi suku kaum Kadazan di Sabah yang diadakan setelah selesainya menuai padi.

**Soalan:** Sila nyatakan nama pesta tersebut.

**Jawapan:** Pesta Menuai/Pesta Kaamatan.

**Kenyataan:** Tarian-tarian tradisional seperti tarian kipas dan inang adalah tarian yang selalu dipertunjukkan dalam majlis-majlis keramaian.

**Soalan:** Nyatakan nama tarian yang popular bagi kaum Sikh.

**Jawapan:** Baghera/Banghra.

**Kenyataan:** Tarian-tarian Melayu yang terkenal termasuklah mak inang, zapin, menora, kuda kepang, cinta sayang dan lain-lain. Kuda kepang terkenal di Johor, cinta sayang terkenal di Kedah.

**Soalan:** Di negeri manakah pula yang dikaitkan dengan tarian rodan?

**Jawapan:** Terengganu.



**Kenyataan:** Nobat merupakan sejenis pancaragam diraja yang terdiri daripada beberapa jenis alat bunyi-bunyian purbakala. Perkataan nobat berasal dari perkataan parsi.

**Soalan:** Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan nobat dalam bahasa melayu?

**Jawapan:** Sembilan jenis alat.

**Kenyataan:** Baju kebaya labuh dipakai oleh wanita Melayu dan Cina peranakan Baba. Biasanya baju ini dibuat labuh sampai ke lutut, berbelah di bahagian depan dan mempunyai pesak. Baju ini disemat pula dengan tiga kerongsang emas atau permata semasa dipakai. Baju kebaya labuh dipakai dengan kain sarung yang diikat dengan membawa kepala kain itu ke hadapan. Pemakainya selalu membawa selendang yang disangkut di bahagian bahu.

**Soalan:** Dari manakah berasalnya baju kebaya labuh ini?

**Jawapan:** Negeri Timur Tengah (Parsi).

**Kenyataan:** Ia adalah sejenis gendang tetapi berbentuk seperti jambangan bunga. Bahagian mukanya besar dibalut dengan kulit kambing. Bahagian yang kecil dibiarkan terbuka. Bunyinya dikawal dengan tangan yang menutup bahagian yang berlubang. Ia adalah alat tambahan yang mengiringi kumpulan muzik untuk wayang kulit atau tarian tradisional.

**Soalan:** Sebutkan nama gendang tersebut.

**Jawapan:** Gedombok.

## **BIDANG: HUBUNGAN ANTARABANGSA**

**Kenyataan:** Bandar Vancouver di Kanada telah menjadi tuan rumah persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada tahun 1987. Pada tahun 1991, bandar Harare di Zimbabwe menjadi tuan rumah persidangan tersebut.

**Soalan:** Negara manakah yang menjadi tuan rumah Persidangan CHOGM dalam tahun 1989?

**Jawapan:** Malaysia.

**Kenyataan:** Dalam Majlis Keselamatan pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terdapat lima buah negara yang menjadi anggota tetap dan mempunyai kuasa veto.

**Soalan:** Sebutkan empat daripada lima buah negara tersebut.

**Jawapan:**

1. Amerika Syarikat.
2. Russia.
3. Britain.
4. Perancis.
5. China.

**Kenyataan:** Hubungan China-Malaysia bukan satu hubungan yang baru. Catatan sejarah membuktikan kebenaran kenyataan di atas. Dalam lawatan YAB. Perdana Menteri Malaysia dan rombongan ke Negeri China baru-baru ini telah diputuskan satu Pejabat Konsul di luar Beijing akan dibuka di Selatan China bagi memudahkan proses pengeluaran Visa untuk rakyat China yang melawat Malaysia.

**Soalan:** Sila nyatakan di bandar manakah pejabat konsul tersebut akan dibuka.

**Jawapan:** Canton.

**Kenyataan:** Korea Utara baru-baru ini telah bersungguh bahawa salah satu komoditi keluaran Malaysia terpaksa diimport dari Singapura dan tidak terus dari Malaysia. Ini telah membazirkan wang mereka dan merugikan negara, khususnya di dalam pertukaran mata wang asing.

**Soalan:** Sebutkan komoditi yang dimaksudkan itu.

**Jawapan:** Minyak kelapa sawit.

**Kenyataan:** Baru-baru ini Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, ketika mengetuai satu misi perdagangan memberitahu bahawa terdapat beberapa sektor yang berpotensi untuk diceburi bersama, umpamanya pelancongan, hotel, penswastaan, perhutanan dan sebagainya di antara Malaysia dengan sebuah negara di Latin Amerika. Hasilnya dijangkakan Malaysia dapat mencatat nilai jualan RM 235.6 juta dalam tempoh setahun.

**Soalan:** Negara manakah yang dimaksudkan di dalam kenyataan di atas?

**Jawapan:** Argentina.

**Kenyataan:** Duta dan Pesuruhjaya Tinggi adalah gelaran jawatan bagi Ketua Perwakilan Kerajaan Malaysia yang ditempatkan di negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan negara kita. Watikah perlantikan mereka disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum ditempatkan di negara-negara tersebut.

**Soalan:** Apakah unsur yang membezakan di antara gelaran Pesuruhjaya Tinggi dan Duta?

**Jawapan:** Pesuruhjaya Tinggi ialah gelaran jawatan Ketua

Perwakilan Malaysia untuk Negara Komanwel.  
Manakala gelaran Duta untuk Ketua Perwakilan  
Malaysia bagi negara-negara bukan Komanwel.

## **BIDANG: PERLEMBAGAAN DAN SISTEM PEMERINTAHAN**

**Kenyataan:** Komponen utama dalam sistem Kerajaan Malaysia terdiri dari Badan Perundangan, Badan Pemerintahan dan Badan Kehakiman. Badan Perundangan atau Parlimen Malaysia mengandungi tiga unsur atau elemen utama.

**Soalan:** Sila nyatakan dua daripada tiga elemen tersebut.

**Jawapan:**

1. Yang di-Pertuan Agong
2. Dewan Negara
3. Dewan Rakyat.

**Kenyataan:** Antara kelayakkan untuk menjadi seorang Ahli Dewan Rakyat ialah mesti berumur tidak kurang daripada 21 tahun.

**Soalan:** Berapakah had umur minima yang melayakan seseorang rakyat Malaysia dilantik sebagai Ahli Dewan Negara?.

**Jawapan:** 30 tahun

**Kenyataan:** Dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 10 memberi kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan.

**Soalan:** Apakah yang terkandung dalam perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan?

**Jawapan:** Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu.

**Kenyataan:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera mana-mana Negeri Borneo dan kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain di Malaysia.

**Soalan:** Sebutkan perkara berapakah dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong untuk menjalankan tanggungjawab ini.

**Jawapan:** Perkara 153.

**Kenyataan:** Agama Islam ialah agama rasmi bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

**Soalan:** Di bawah perkara berapakah dalam Perlembagaan Persekutuan kenyataan tersebut terkandung?

**Jawapan:** Perkara 3.

**Kenyataan:** Setiap negara mempunyai syarat-syarat tertentu mengikut perlembagaannya untuk membolehkan seseorang itu menjadi warganegara. Demikianlah juga bagi negara kita Malaysia telah meletakkan empat cara membolehkan seseorang itu menjadi warganegara.

**Soalan:** Sila sebutkan dua daripada empat cara yang dimaksudkan itu.

- Jawapan:**
1. Dengan Kuatkuasa Undang-undang (By Operation of Law).
  2. Dengan Cara Pendaftaran (By Registration).

3. Dengan Secara masukan (By Naturalisation).
4. Dengan Pergabungan/Percantuman Wilayah (By Incorporation of Territory)

**Kenyataan:** Yang di-Pertuan Agong adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan mengikut perlembagaan.

**Soalan:** Di bawah perkara berapakah peruntukan ini terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan?

**Jawapan:** Perkara 41 - Perintah Tertinggi Angkatan Tentera.

## **BIDANG: ISU SEMASA/HAL EHWAL SEMASA**

**Kenyataan:** "Sekali terdengar pekik merdeka, Bangsaku tidak dijajah lagi, Paling sukar akan terjumpa, Nilai merdeka semakin tinggi."

Setiap tahun pada tanggal 31 Ogos, rakyat di negara ini bersama memperingati Hari Kemerdekaan Negara.

**Soalan:** Apakah tema Hari Kebangsaan 1993 dan di bandar manakah sambutan tersebut diadakan?

**Jawapan:**

1. Bersatu menuju wawasan.
2. Bandaraya Kuching, Sarawak.

## **SUKAN, BENDERA DAN LAGU KEBESARAN NEGARA/NEGERI**

**Kenyataan:** Pada asasnya masyarakat Malaysia telah mengenali Bendera Negara kita. Bendera boleh dibuat seberapa besar yang kita kehendaki, tetapi ia mempunyai kadar ukuran yang telah ditetapkan agar corak bendera kita tidak akan

berubah sewenang-wenangnya. Jika sekiranya ukuran kadarnya berubah, maka bentuk bendera juga akan turut berubah.

**Soalan:** Sebutkan ukuran Bendera Malaysia yang "standard" dan nisbah (ratio) ukuran betul bagi bendera tersebut.

**Jawapan:** A) Ukuran yang "standard" ialah 3 kaki lebar dan 6 kaki panjang.

B) Ratio (nisbah) ialah 1:2.

**Kenyataan:** Bendera Malaysia digunakan untuk berbagai upacara seperti menyambut Hari Kemerdekaan, lawatan pembesar, majlis perhimpunan rasmi kerajaan dan sebagainya. Di samping itu Bendera Malaysia juga digunakan untuk menutup keranda di dalam istiadat permakaman atau pengkebumian negara atau ketika membawa balik jenazah yang meninggal dunia di luar negeri.

**Soalan:** Berdasarkan kenyataan di atas, sila sebutkan dua golongan yang boleh mendapat penghormatan menutup kerandanya dengan bendera apabila mereka meninggal dunia.

**Jawapan:** A) Pembesar-pembesar Negara.

B) Duta-duta Malaysia.

C) Tentera yang meninggal dunia ketika bertugas.

**Kenyataan:** Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah memperkenalkan liga bolasepak semi-pro di Malaysia bagi divisyen satu dan divisyen dua.

Pada setiap musim sebanyak sepuluh pasukan telah ditentukan untuk bermain dalam divisyen satu dan lapan pasukan lagi akan bermain di dalam divisyen dua.

**Soalan:** Sila nyatakan bagaimanakah cara sepuluh pasukan bagi divisyen satu ditentukan pada setiap musim.

**Jawapan:** 10 pasukan itu terdiri dari tujuh pasukan terbaik dari divisyen satu, dua pasukan terbaik dari divisyen dua dan satu pasukan yang menjadi pemenang dalam pertandingan timbal balas antara pasukan tempat kelapan divisyen satu dan pasukan tempat ketiga divisyen dua.

**Kenyataan:** Sepaktakraw, suatu ketika dahulu dimonopoli oleh kaum lelaki, tetapi sekarang ianya telah menjadi sukan bagi kaum wanita. Pada tahun 1993 ini Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sepaktakraw Wanita Antarabangsa yang telah diadakan dari 1-3 ogos, 1993.

**Soalan:** Di bandar manakah kejohanan ini diadakan?.

**Jawapan:** Kuching.

**Kenyataan:** Negara Kita kerap kali menyertai kejohanan sukan peringkat serantau dan antarabangsa. Pemilihan para atlit negara akan diuruskan dengan teliti oleh beberapa pihak seperti Majlis Olimpik Malaysia, Kesatuan Olahraga Malaysia dan badan-badan lain yang seumpamanya. Di samping itu terdapat juga satu lagi badan penting yang membuktikan bahawa komitmen dan



sumbangan kerajaan dan swasta bagi meningkatkan mutu sukan negara kita.

**Soalan:** Sila sebutkan apakah nama penuh badan tersebut.

**Jawapan:** Majlis Sukan Negara (MSN).

## **BIDANG: PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN**

**Kenyataan:** Malaysia melangkah setapak lagi dalam usaha memantapkan industri penerbangannya. Sekumpulan jurutera dan juruteknik Malaysia berjaya membina pesawat ringan dan telah diterbangkan buat pertama kalinya di ruang Udara Perth, Australia. Serentak dengan penguasaan itu Syarikat Eagle Aircraft (M) Sendirian Berhad telah ditubuh dan dijangka akan mengeluarkan 120 pesawat jenis ringan ini setiap tahun apabila kilang keduanya siap dibina di negara kita dan mula beroperasi menjelang pertengahan tahun 1994.

**Soalan:**

- A. Berikan nama pesawat ringan yang dimaksudkan itu.
- B. Di manakah kilang kedua pesawat tersebut ditempatkan di negara ini?

**Jawapan:**

- A. Eagle X-Ts.
- B. Batu Berendam, Melaka.

**Kenyataan:** Projek kereta nasional yang kedua akan dikendalikan secara usahasama oleh enam syarikat. Dua daripadanya ialah syarikat Jepun, Daihatsu Motor Co. Ltd. dan Mitsui Co. Ltd.

Empat daripada syarikat tersebut merupakan syarikat tempatan dan dua darinya ialah PNB Equity Resource Corporation Sdn. Bhd.

**Soalan:** Namakan dua lagi syarikat tempatan yang terlibat dalam projek kereta nasional kedua ini.

**Jawapan:**

1. Med. Bumikar Mara Sdn. Bhd.
2. Daihatsu Malaysia Sdn. Bhd.

**Kenyataan:** Selain daripada kestabilan politik, ketenteraman awam dan perpaduan rakyatnya, penyediaan kemudahan asas yang mencukupi adalah di antara faktor yang menarik pelabur menanam modal di negara ini. Pembinaan rangkaian lebuh raya dianggap memperlengkapkan faktor-faktor tersebut.

**Soalan:**

1. Sebutkan dengan tepat tarikh Lebuh raya Tanjung Malim-Tapah secara rasmi mula digunakan oleh orang ramai baru-baru ini.
2. Berapakah kadar bayaran bagi setiap kilometer?

**Jawapan:**

1. 1 Oktober, 1993.
2. 7.5 Sen Satu Kilometer.

**Kenyataan:** Kedudukan Labuan yang strategik di tengah-tengah negara Asean serta berhampiran dengan beberapa negara Asia di segi geografi, mampu meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai pusat pelaburan di rantau Asia -Pasifik. Oleh yang demikian pada 1 Oktober, 1990 Kerajaan Pusat telah mengisytiharkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan. Projek utama yang dilaksanakan ialah mengadakan Taman Kewangan atau "Financial Park".

**Soalan:** Apakah nama lengkap pusat kewangan yang telah diisytiharkan ke atas Labuan?

**Jawapan:** Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau International Off-Shore Financial Centre (IOFC).

**Kenyataan:** Usaha untuk membangunkan Melaka sebagai bandar bersejarah terus dipergiatkan. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Melaka telah mengusahakan pembangunan sebuah muzium yang mempunyai kaitan rapat dengan sebuah kapal Portugis yang tenggelam bersama harta Kerajaan Melayu Melaka.

**Soalan:**

1. Namakan muzium tersebut.
2. Sebutkan nama kapal yang dimaksudkan.

**Jawapan:**

1. Muzium Samudra Melaka.
2. Flor d'La Mar.

**Kenyataan:** Sebagai sebuah struktur konkrit yang tertinggi di Asia Tenggara, Menara Kuala Lumpur akan menjadi sumber kebanggaan rakyat Malaysia dan melambangkan kemajuan ekonomi negara. Turut membanggakan ialah kedudukannya sebagai menara telekomunikasi yang ketiga tertinggi di dunia.

**Soalan:**

1. Dimanakah tapak berdirinya Menara Kuala Lumpur?
2. Berapakah tingginya menara tersebut dalam kiraan meter?

**Jawapan:**

1. Bukit Nanas, Kuala Lumpur.
2. 420 Meter.

**Kenyataan:** Matlamat Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ialah hendak menjadikan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dan dihormati bukan sahaja oleh dunia Islam tetapi dunia pelajaran tinggi amnya. Demikianlah antara lain kata-kata Y.A.B. Perdana menteri ketika berucap di majlis meletakkan batu asas kampus UIA di satu tempat kira-kira seluas 700 ekar di dalam negeri Selangor pada 24 Ogos, 1993.

**Soalan:**

1. Di daerah manakah kampus UIA itu dibina?
2. Siapakah nama dan apakah jawatan orang yang memegang jawatan Presiden UIA sekarang?

**Jawapan:**

1. Gombak.
2. Y.B. Dato' Seri Anuar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia.